

Headline	Sunway raih projek LRT3 RM2.18b		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	06 Oct 2017	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	171,663
Page No	15	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	191 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,775
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,325



Sunway raih projek LRT3 RM2.18b

KUALA LUMPUR 5 Okt. - Sunway Construction Group Berhad telah dianugerahkan projek bernilai RM2.18 bilion daripada Prasarana Malaysia Berhad bagi pembinaan landasan Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) sekali gus meningkatkan buku tempahan syarikat berkenaan kepada RM6.5 bilion.

Pengarah Urusan Sunway Construction, Chung Soo Kiong berkata, projek pembinaan sejauh 37 kilometer bagi laluan LRT3 dari Bandar Utama ke Johan Setia di Klang itu dijangka mengambil masa 36 bulan.

Katanya, kontrak yang diraih tersebut adalah projek keempat yang diberikan kepada Sunway Construction yang juga merupakan projek tunggal terbesar dalam tempoh 36 tahun.

SUNWAY
CONSTRUCTION



CHUNG SOO KIONG

Beliau berkata, jajaran kerja Sunway Construction bermula di Kawasan 17 dan beraakhir di Taman Sri Andalas, Klang merangkumi kerja-kerja pembinaan jeambat sejauh 9.2 kilometer, pembinaan enam stesen dan mereka bentuk serta membangunkan sebuah jambatan kabel ikonik merentasi Sungai Klang.

"Kami juga akan mendirikan dua kawasan Park & Rides di Pasar Besar Klang dan Sri Andalas sekali gus memperkenalkan keupayaan berspadu penuh kami dalam asas dan geoteknikal, infrastruktur awam,

pembinaan bangunan dan mekanikal, elektrik dan kepakaran kerja memasang paip.

"Program transformasi infrastruktur negara ini bukan sahaja mampu menyediakan pengangkutan awam alternatif terbaik kepada orang awam, tetapi juga meningkatkan kesalinghubungan dan mengurangkan kesesakan lalu lintas," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Soo Kiong berkata, penganugerahan projek tersebut meningkatkan buku tempahan keseluruhan syarikat kepada RM6.5 bilion iaitu tertinggi sejak Sunway Construction ditubuhkan.

"Projek yang diraih ini juga bermakna kami berjaya melepassi sasaran buku tempahan pada RM2 bilion.

"Untuk tahun ini, buku tempahan kami berjaya mencapai RM3.75 bilion dan menjangkakan pendapatan masa hadapan yang positif," katanya.